

Company Name : Destini Berhad
Date : 15 October 2015
Source : Utusan Malaysia

Destini sasar jadi peneraju MRO

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 14 OKT.

DESTINI Berhad (Destini) mahu memberi tumpuan khusus untuk memperkukuhkan peranannya dalam segmen penerbangan selari dengan hala tuju syarikat untuk muncul peneraju dalam industri penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) di rantau Asia Tenggara.

Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Rozabil Abdul Rahman (**gambar**) optimis sasaran itu boleh dicapai dalam tempoh tiga tahun terutama apabila bengkel penerbangan dengan pelaburan berjumlah RM6 juta di Bukit Jelutong dijangka siap suku keempat tahun ini.

Katanya, dengan kemudahan tersebut menjadikan Destini lebih agresif untuk terlibat dalam kontrak-kontrak MRO menjelang hujung tahun ini termasuk yang terbaharu menerusi kerjasama dengan AirAsia Berhad (AirAsia).

"Dengan penglibatan AirAsia kita berharap dapat meningkatkan turnaround (naik turun kapal terbang) daripada 5,000 kepada 30,000 setahun pada 2016 dari segi penyelenggaraan di luar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) iaitu Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching.

"Selain AirAsia, syarikat penerbangan lain yang turut menggunakan perkhidmatan yang disediakan

menerusi anak syarikat milik Destini, Safeair Technical Sdn. Bhd. (Safeair) ini ialah Jetstar, Bangkok Air, Silk Air, Tiger Airways dan Cebu Pacific," katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Pada Julai lalu, anak syarikat milik penuh Destini Bhd, Destini Aviation Sdn Bhd, memeterai perjanjian kerjasama dengan AirAsia meliputi inisiatif utama bagi penyumberan luar strategik iaitu pengendalian teknikal, penyelenggaraan komponen, pembaikan dan baik pulih (MRO) serta MRO di hangar yang dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh enam hingga lapan bulan.

Destini mengambil alih 80 peratus kepentingan dalam Safeair Technical Sdn. Bhd. (Safeair) yang menyediakan lima perkhidmatan penyelenggaraan dan memiliki pengesahan yang sah daripada badan penerbangan awam di Malaysia, Singapura, Thailand dan Filipina.

Di samping itu, Destini Aviation juga membentuk syarikat kerjasama dengan Avia Technique Limited yang berpangkalan di United Kingdom iaitu Destini Avia Technique Sdn. Bhd. yang dijangka beroperasi pada penghujung Oktober tahun ini.

Menurut Rozabil, Destini kini dalam proses mendapatkan lesen daripada kerajaan Indonesia untuk beroperasi di negara tersebut.

"Perancangan kami untuk beroperasi di mana-mana sahaja lokasi AirAsia. Setakat ini menerusi Safeair kita boleh menawarkan pe-



Optimis sasaran itu boleh dicapai dalam tempoh tiga tahun terutama apabila bengkel penerbangan dengan pelaburan berjumlah RM6 juta di Bukit Jelutong dijangka siap suku keempat tahun ini."

ROZABIL ABDUL RAHMAN
Pengarah Urusan Kumpulan

nyelenggaraan hayat di empat buah negara iaitu Malaysia, Thailand, Filipina dan Singapura," katanya.

Beliau berkata, kumpulan Destini Aviation yang terdiri daripada Safeair Technical dan Destini Avia Technique mampu meletakkan Destini sebagai pemain berwibawa dan disegani dalam sektor penerbangan komersial.

Beliau berkata, Destini begitu optimis terhadap prospek pertumbuhan dalam sektor penerbangan MRO global yang mencatat kadar pertumbuhan tahunan (CAGR) empat peratus dalam tempoh 10 tahun akan datang dengan perbelanjaan MRO dijangka melebihi AS\$85 bilion (RM363 bilion) menjelang 2024.

"Rantau Asia Pasifik pula dijangka muncul pasaran terbesar dalam MRO dalam tempoh beberapa dekad dan ini membuka satu peluang yang baik kepada kami," katanya.